

## lokal



DIKURUNG SINDIKET BURUH PAKSA POGOS

# Tawaran gaji RM23k sebulan

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi dan Mohd Jamil Anbia Md Denin  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dikurung ahli sindiket yang lengkap bersenjata api serta dipaksa menjadi operator panggilan penipuan dan scammer dalam talian selama 12 jam setiap hari.

Itu nasib 134 rakyat Malaysia yang diselamatkan selepas menjadi mangsa sindiket buruh paksa rangkaian scammer gergasi hab *Philippine Offshore Gaming Operator (POGOs)*, Selasa lalu.

Difahamkan mangsa yang diperdaya sindiket untuk datang ke negara itu ditawarkan gaji lumayan sehingga mencecah AS\$5,000 (RM23,300) sebulan.

Bagaimanapun, berdasarkan keterangan mangsa, mereka dibayar gaji hanya

24,000 Peso Filipina atau bersamaan RM2,050 sebulan.

Sumber berkata, semua rakyat Malaysia yang ditawarkan sindiket di sebuah kompleks di Bandar Las Piñas, Filipina itu sebaliknya dipaksa menjalankan kerja penipuan membabitkan matawang digital crypto, menyamar sebagai penipu *love scam* serta pelbagai bentuk penipuan pelaburan lain.

"POGOs atau turut dikenali sebagai pengendali permainan luar pesisir Filipina ini adalah penyedia pelbagai pertaruhan e-kasino dan pelbagai permainan dalam talian melalui internet.

"Bagaimanapun semua mangsa ini diambil berkhidmat oleh pihak POGOs haram yang tidak berlesen dan

didaftarkan," katanya.

Menurutnya, Pejabat Polis Wilayah Ibu Negara (NCR-PO) memaklumkan, selain rakyat Malaysia, pihaknya turut menyelamatkan 600 warganegara China, 183 warga Vietnam, 137 warga Indonesia, 81 warga Thailand dan 21 warga Taiwan.

"Selain itu rakyat dari Nigeria, Singapura, Myanmar, Yaman, Pakistan, Afrika Selatan, India, Somalia, Sudan, Cameroon dan Iran turut diselamatkan. Beribu mangsa dikesan menjadi mangsa aktiviti perdagangan manusia di Filipina. Semua mangsa ditempatkan di beberapa bangunan yang dijadikan tempat tinggal dan markas operasi lengkap dengan kemudahan komputer," katanya.

“  
Semua mangsa ini diambil berkhidmat oleh pihak POGOs haram  
Sumber

## 134 rakyat kita jadi mangsa

**Kuala Lumpur:** Seramai 134 rakyat Malaysia dikesan menjadi mangsa sindiket buruh paksa scammer hab *Philippine Offshore Gaming Operator (POGOs)* yang ditumpaskan pihak berkuasa Filipina, Selasa lalu.

Semua rakyat Malaysia yang berjaya diselamatkan itu dipercayai menjadi mangsa penipuan sindiket menawarkan pekerjaan bergaji lumayan di negara berkenaan.

Wisma Putra dalam kenyataannya kelmarin memaklumkan, Kementerian Luar melalui Kedutaan Besar Malaysia di Manila masih berusaha mengenal pasti dan mengesahkan status 134

mangsa yang dipercayai warganegara Malaysia.

Katanya, mereka adalah sebahagian daripada sejumlah 2,714 mangsa sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan, buruh paksa dan tahanan salah di Republik Filipina.

"Kedutaan Besar Malaysia di Manila mengesahkan bahawa pihak berkuasa tempatan Filipina membuat serbuan ke atas syarikat X Network Technology Inc dan berjaya menyelamatkan mangsa sindiket jenayah itu terdiri daripada warganegara pelbagai negara termasuk Malaysia," katanya.

Katanya, rakyat Malaysia yang terbabit juga akan di-

bawa pulang secepat mungkin.


"Mangsa yang dipercayai warganegara Malaysia akan menjalani proses siasatan, dokumentasi dan deportasi ke Malaysia dalam masa terdekat.

"Sebarang maklumat terkini berkaitan perkara ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

Menurut laporan media CNN Filipina, lebih 2,000 pekerja, termasuk warga asing, diselamatkan daripada aktiviti penyeludupan manusia, Selasa lalu, selepas pihak berkuasa melakukan serbuan di hab POGOs di Las Piñas City.



PIHAK berkuasa Filipina menyelamatkan 2,000 pekerja termasuk warga asing yang menjadi mangsa aktiviti penyeludupan manusia di Filipina.



NOTIS arahan tutup dikeluarkan ke atas premis terbabit.